

Dr. M sifatkan tindakan PET sebagai ganjil

U - FEB 1992



KUALA LUMPUR 5 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Persatuan Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (PET) mengadakan piket Jumaat lalu sebagai sesuatu yang belum pernah berlaku dan ganjil.

Perdana Menteri berkata, para eksekutif Tenaga Nasional Berhad sepatutnya berterima kasih dan berasa bernasib baik kerana mereka telah melalui proses penswastaaan serta mengecapi nikmat penswastaaan itu.

Serentak dengan itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada pekerja-pekerja bawahan Tenaga Nasional Berhad yang disifatkannya sebagai lebih bertanggungjawab kerana tidak menyertai piket yang diadakan.

"Pekerja-pekerja bawahan ini jelas lebih memahami tentang nikmat-nikmat yang akan mereka dapati melalui projek penswastaaan agensi itu," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri rumah terbuka

Oleh
Badrul Azhar Abdul Rahman

Parti Gerakan sempena Tahun Baru Cina di Hotel Federal di sini semalam.

Beliau menyifatkan tindakan berpiket itu sebagai satu ugutan dan berpendapat ia tidak sepatutnya berlaku.

Kira-kira 300 anggota Persatuan Eksekutif Tenaga Nasional Berhad termasuk eksekutif pentadbiran, jurutera, ahli kimia dan arkitek menyertai piket yang diadakan di Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad di sini Jumaat lalu kerana tidak puas hati dengan pelaksanaan bayaran bonus oleh majikan.

Dalam piket itu, ahli-ahli persatuan yang terlibat telah memukul patung Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Tan Sri Dr. Ani Arope dan dua pegawai kanan lain sebagai melepaskan rasa tidak puas hati mereka.

Menurut Perdana Menteri, pekerja-pekerja di agensi yang diswastakan sepatutnya berasa bernasib baik dan berterima kasih kerana melalui proses penswastaaan ini, tetapi eksekutif-eksekutif ini nampak tidak langsung bersyukur.

Beliau berkata, sebenarnya
LIHAT MUKA 2

PM SIFATKAN TINDAKAN PET SEBAGAI GANJIL

dalam mana-mana syarikat pun, eksekutif tidak boleh mengambil tindakan perusahaan.

Tambahnya, mereka boleh mengadakan rundingan, tetapi untuk menubuhkan satu persatuan bagi mengambil tindakan perusahaan bukanlah hak mereka.

"Di mana-mana syarikat pun, eksekutif tidak ada hak ini, tetapi para eksekutif Tenaga Nasional Berhad tidak faham tentang haknya.

"Yang mereka tahu ialah hendak membuat tuntutan dan kalau tidak diberi, mereka hendak ambil tindakan perusahaan," katanya.

Menurut beliau, bekalan elektrik adalah satu perkhidmatan perlu serta tidak boleh bermain-mainkan.

"Kalau hendak ugut rakyat dengan menghalang bekalan elektrik, memanglah boleh dapat semua.

"Tetapi, kalau negara kita ditekan dengan cara ini, pembangunan tidak akan berlaku," jelas beliau.

Menurutnya, tanpa elektrik, kerajaan tidak akan dapat membangunkan

negara, akhirnya Tenaga Nasional Berhad pun akan mengalami kerugian dan apabila rugi pekerja-pekerja pun tidak akan dapat sebarang faedah.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, banyak jabatan kerajaan yang disenaraikan untuk penswastaaan telah meminta supaya dipercepatkan proses itu kerana mereka tahu keuntungan yang akan dikecapi.

"Saya tidak tahu berapa banyak keuntungan yang dinikmati oleh kakitangan Tenaga Nasional Berhad kerana penswastaaan, tetapi apabila kita bagi lebih banyak orang itu pula yang buat masalah.

"Orang yang tidak dapat apa-apa, tidak buat masalah," jelasnya.

Ditanya apakah tindakan kerajaan jika persatuan itu meneruskan tindakan perusahaannya, beliau berkata, kalau ada undang-undang yang boleh digunakan, kerajaan akan menggunakannya.

Menurutnya, kerajaan tidak akan tunduk kepada tuntutan-tuntutan itu kerana kalau dipenuhi, esok mereka akan meminta lagi.

"Kemudian apabila kita tidak bagi, mereka akan berpiket lagi atau memukul patung lagi," kata Perdana Menteri.

Tujuan rumah tempat lahir PM dibaiki

HM - 6 FEB 1992

MAHAJIR
BANGI: Kerja membaiki semula semua rumah tempat lahir Perdana Menteri Malaysia dibuat sebagai tanda penghormatan kepada pemimpin negara dan bagi menambah tempat tarikan pelancong.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata sebagai contoh, Memorial Tunku Abdul Rahman akan diwujudkan dan tanah bersebelahan kawasan rumah Almarhum dirancang untuk dijadikan tempat meletak kereta.

"Selain itu, bangunan dan tempat bersejarah lain yang akan dibaiki semula ialah Masjid Merbuk di Kuala Muda, Kedah, Muzium Timah Kelang dan Rumah P Ramlee di Pulau Pinang dijangka siap sebelum 1995," katanya kepada pemberita selepas menutup Kejohanan Catur Master Melayu 1992 di sini semalam.

Di kejohanan itu, tempat pertama dimenangi oleh Ahmad Rubel, Muhammad Ali tempat kedua dan Mohd Saprin Sabri di tempat ketiga.

Pemenang pertama menerima piala pusingan dan wang \$500, pemenang kedua dan ketiga masing-masing menerima sijil serta hadiah wang \$300 dan \$200.

Tiga puluh dua peserta dan 10 peserta jempunan daripada seluruh negara menyertai kejohanan itu.